

Headline	Jumlah premis program Save akan ditambah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	31 Dec 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	6
ArticleSize	162 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,071		



## Jumlah premis program Save akan ditambah

**Putrajaya:** Premis yang menawarkan pembelian peralatan elektrik untuk mangsa banjir di bawah program penjimatan elektrik *Sustainability Achieved via Energy Efficiency* (Save) akan ditambah bagi memudahkan mereka membuat pembelian.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata, ketika ini terdapat sebanyak 1,400 premis yang disenarai.

“Perincian berkenaan inisiatif penambahan premis pembelian ini akan diumumkan 7 Januari depan dan pada tarikh sama individu yang layak boleh membuat pembelian dan rebat diberikan secara terus.

“Setiap ketua isi rumah yang layak boleh memohon dan mendapatkan baucar bernilai RM500,” katanya pada sidang media selepas mengumumkan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) di sini, semalam.

Kelmarin media melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kerajaannya bersetuju memberikan baucar pembelian peralatan elektrik untuk mangsa banjir.

Ismail Sabri dipetik berkata, setiap ketua isi rumah yang layak boleh memohon dan mendapatkan baucar bernilai RM500 semasa membuat pembelian.

Selain itu, Takiyuddin berkata, individu atau ketua isi rumah yang layak boleh membuat pembelian secara fizikal di kedai, pasar raya berdaftar atau di platform e-dagang yang diiktiraf seperti Shopee, Lazada dan PGMall.

Katanya, menurut data diperoleh setakat ini, sebanyak 80,000 isi rumah layak dan jumlahnya akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

“Pengesahan pembelian akan dikeluarkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) bagi memudahkan setiap individu yang layak ketika membuat pembelian,” katanya.

**RM500**

Nilai baucar bagi setiap ketua isi rumah terjejas banjir